

Headline **Biasiswa kekang hajat Nurul Fatiha**  
Date **17. Mar 2008**  
Media Title **Berita Harian**  
Section **Sukan**  
Circulation **217920**  
Readership **2083000**

Language **MALAY**  
Page No **27**  
Article Size **252** cm2  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**



# Biasiswa kekang hajat Nurul Fatiha

**R**ATU gimnas artistik negara – Nurul Fatiha Abdul Hamid menegaskan dia masih kekal mewarnai dunia gimnastik negara sebagai memenuhi syarat biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi yang mengkehendakinya terus aktif sebagai atlet.

Atlit berusia 22 tahun yang sebelum ini mengumumkan persaraan demi memberi tumpuan terhadap pelajarannya yang kerap kali tertangguh sepanjang tujuh tahun menabur bakti kepada negara, bagaimanapun terpaksa menarik balik niatnya itu.

Matlamatnya kini hanya satu – memberi tumpuan kepada masa depan pelajarannya dan kerana itu, beliau meneruskan karier sukannya apa lagi biasiswa yang diperolehi pada Januari lalu dapat meringankan kos pengajiannya.

Berdasarkan syarat biasiswa yang diterima mengikut kategori elit, dia perlu kekal mewakili negara dan menyerlah jika tidak mahu nilai biasiswanya – yang dinilai setiap semester – dikurangkan.

“Saya boleh bersara dan tetap memperolehi biasiswa itu tetapi mungkin menerusi kategori akhir yang jelas jumlahnya jauh lebih kecil.

“Saya akui sehingga kini, saya ma-

sih belum dapat berlatih seperti biasa kerana jadual pembelajaran yang padat. Saya berharap dapat berbuat demikian pada semester depan.

“Namun, sesekali saya akan ke gimnasium berjumpa jurulatih dan pengurus mengenai perkembangan karier,” katanya.

Berikutan tiada kejohanan antarabangsa disusun buatnya sepanjang tahun ini, Nurul Fatiha berharap dapat memberi tumpuan terhadap pengajiannya dalam jurusan Komunikasi (Penyiaran) di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Andai jadual pembelajarannya tidak ditangguhkan, Nurul Fatiha yang kini berada pada semester empat dijangka menamatkan pengajiannya pada akhir tahun depan.

Aksi terakhir atlit kelahiran Alor Star, Kedah itu adalah ketika membantu menyumbang pingat gangsa untuk negara dalam acara senaman lantai pada Sukan Sea di Korat, Disember lalu.

Dia yang menyumbang keseluruhan enam pingat emas daripada empat temasya Sukan Sea, muncul pertama kali pada Sukan Sea 2001 di Kuala Lumpur ketika berusia 15 tahun dengan memenangi tiga emas dan meneruskan kecemerlangan itu dengan dua emas di Hanoi (2003) serta Manila (2005).



*Saya boleh bersara dan tetap memperolehi biasiswa itu tetapi mungkin menerusi kategori akhir”*

**Nurul Fatiha**  
Gimnas negara

**FAKTA NOMBOR**

Nurul Fatiha Abd Hamid

**1986**

Dilahirkan pada 13 April

**2001**

Mula mewakili negara ke Sukan Sea

**1.60m**

Tinggi